

Festival Sungai Melaka 2015 dijangka tarik sejuta pelancong

Oleh NORLIZA MOHAMAD ZAKARIA
pengarang@utusan.com.my

■ MELAKA 27 MEI

SEBANYAK 42 aktiviti termasuk 10 yang melibatkan peserta luar negara bakal mengisi Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2015 yang akan berlangsung pada 30 Mei hingga Disember ini.

Timbalan Pengerusi Pelancongan, Pembangunan Pantai, Sungai dan Pulau-Pulau negeri, Datuk Ghazale Mohamad berkata, semua acara tersebut diagih-agihkan bagi mengisi penganjuran festival itu yang turut disesuaikan dengan cuti umum perayaan, kemerdekaan dan cuti persekolahan sepanjang enam bulan penganjurannya.

Menurut beliau, acara tahunan kerajaan negeri menerusi Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka (PPSPM) itu dijangka menarik sejuta pelancong dari dalam dan luar negara berbanding tahun-tahun sebelumnya.

“Disebabkan penganjurannya telah dilanjutkan sehingga enam bulan, maka kita agih-agihkan aktiviti besar sepanjang tempoh itu.

“Oleh yang demikian, ia tidak hanya tertumpu dalam tempoh



GHAZALE MOHAMAD (tiga dari kanan) bersama pegawai PPSPM menunjukkan *banner* berhubung Festival Antarabangsa Sungai Melaka 2015 di Melaka, semalam. - UTUSAN/AZLI AHAD

sebulan sahaja seperti sebelum ini dan ini akan mendorong lebih ramai pengunjung untuk menyaksikannya kerana sepanjang tempoh tersebut akan ada banyak hari cuti termasuk cuti perayaan, kemerdekaan dan cuti sekolah,” katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Nazary Ahmad.

Dua acara penting yang menjadi ikon festival itu ialah perarakan bot berhias dan Melaka Parade.

Acara lain yang dijangka turut menjadi tumpuan ialah perlumbaan perahu naga, bot kawalan jauh, maraton antarabangsa Sungai Melaka, beca berhias, persembahan kesenian dan kebudayaan etnik Cina, *safety bike ride*, persembahan dondang sayang belia dan pertandingan memancing.

Kali ini, festival itu turut menyelitkan penyertaan Fiesta Rihuih Sakan 2015 anjuran bersama kerajaan negeri dan Utusan Melayu (M) Berhad yang akan berlangsung selama tiga hari bertempat di Dataran 1Malaysia, Pantai Klebang di sini

mulai 29 hingga 31 Mei ini.

Dalam pada itu, Ghazale berkata, aktiviti di sepanjang Ramadan akan dihadkan pada waktu siang dan pada sebelah malam hanya melibatkan program bersesuaian.

“Kemungkinan kita akan mula-kkan program-program yang dirancang selepas solat tarawih dan kita rancang untuk adakan program bersahur bersama pelancong,” katanya.

Perasmian festival itu akan disempurnakan pada 30 Mei ini oleh Yang Dipertua Negeri, Tun Mohd. Khalil Yaakob.